

Penduduk Dengkil gesa kerajaan Selangor naik taraf sistem perparitan

Resah setiap kali hujan lebat

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
kota@utusan.com.my

SEPANG 11 Nov. - Penduduk di sekitar Dengkil di sini menggesa kerajaan negeri menaik taraf sistem perparitan di kawasan tersebut kerana tidak sanggup lagi berhadapan dengan banjir setiap kali hujan lebat.

Rata-rata penduduk yang ditemui menyatakan mereka sentiasa dihipit resah apabila hujan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa kawasan di situ seperti Kampung Cemperai, Taman Amentis dan Taman Permata mendapati kawasan itu masih dinaiki air menyebabkan penduduk gusar.

Seorang penduduk di Taman Amentis, **K. Dharmalingan**, 58, berkata, air naik semula kira-kira pukul 2.30 pagi semalam dan menenggelamkan kawasan rumahnya sedalam kira-kira setengah meter.

Katanya, keadaan itu ditambah dengan banjir yang masih belum surut menyebabkan perayaan Deepavali beberapa hari lagi mungkin tidak dapat disambut meriah oleh keluarganya.

"Dalam keadaan begini, tidak ada pihak yang datang melihat keadaan kami. Nasib baik ada bekalan makanan yang dibeli untuk Deepavali kerana kami sukar keluar rumah.

"Saya minta sistem perparitan di



TIEW memeriksa paras air di hadapan rumahnya di Taman Permata, Sepang semalam. - UTUSAN/SAFIYANA SALIM

kawasan ini dapat disenggara dengan segera supaya kejadian banjir sebegini dapat dielakkan. Longkang di kawasan ini juga perlu disenggara kerana terlalu kecil dan dipenuhi sampah," katanya.

Sementara itu, penduduk Taman Permata yang hanya ingin dikenali sebagai **Tiew**, 60, berkata, dia kecewa dengan kerajaan negeri kerana tidak mengambil berat masalah

banjir di kawasan tersebut.

"Sungai yang ada itu patut dikorek supaya lebih dalam bagi mengatasi masalah banjir. Penduduk dalam keadaan tidak tenang dan ketakutan setiap kali hujan," ujamnya.

Dalam pada itu, penduduk Kampung Cemperai, **Azizah Hassan**, 50, berkata, rumahnya ditenggelami air sehingga paras lutut pada Ahad lalu.



ZALAL Hattan terpaksa memindahkan barang dari rumahnya yang ditenggelami air di Kampung Cemperai, Sepang semalam.

"Ketika itu kami hanya menyelamatkan barang-barang penting seperti buku dan dokumen peribadi. Peralatan rumah seperti tikar getah dan almari semua rosak dan terpaksa dibuang," jelasnya.

Seorang lagi penduduk kampung itu, **Zalal Hattan**, 49, berkata, dia terpaksa pulang ke rumahnya hari ini bagi mengemas dan membersihkan

kekotoran selepas banjir surut.

"Anak-anak saya masih lagi berada di pusat pemindahan sementara di Dewan Orang Ramai Dengkil. Saya lihat air di kawasan ini naik semula kerana hujan setiap hari.

"Saya berharap pihak bertanggungjawab dapat mencari jalan menyelesaikan dan menghulurkan bantuan kepada penduduk yang terjejas," jelasnya.